



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



**PENDEKATAN GURU MUDA DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN MATEMATIK DI SEKOLAH MENENGAH:
SATU KAJIAN KES**

*THE YOUNG TEACHER APPROACH IN THE TEACHING AND LEARNING OF
MATHEMATICS IN SECONDARY SCHOOLS: A CASE STUDY*

Marcella Modius¹, Siew Nyet Moi^{2*}, Mad Noor Madjapuni³

¹ Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: babydagreat95@gmail.com

² Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: sopiah@ums.edu.my

³ Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mdnoormj@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 22.11.2022

Revised date: 12.12.2022

Accepted date: 30.01.2023

Published date: 01.03.2023

To cite this document:

Modius, M., Siew, N. M., & Madjapuni, M. N. (2023). Pendekatan Guru Muda Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik Di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (49), 37-56.

DOI: 10.35631/IJEPC.849004

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pendekatan Guru Muda dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik, keupayaan Guru Muda dalam membantu pelajar lemah dalam subjek Matematik dan motivasi pelajar untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran Matematik melalui pelaksanaan Guru Muda. Informan kajian melibatkan lapan orang informan yang terdiri daripada i) dua orang guru Matematik, dan ii) enam orang pelajar Tingkatan 5 yang terdiri daripada tiga orang Guru Muda dan tiga orang mentee. Kajian ini menggunakan instrumen pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Analisis kajian menggunakan kaedah kualitatif dan kajian ini berbentuk kajian kes. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa dengan adanya pelaksanaan pendekatan Guru Muda dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik, kredibiliti dan kepimpinan Guru Muda dapat diasah melalui bimbingan terhadap mentee dengan menggunakan pembelajaran koperatif. Selain itu, motivasi dalaman dan luaran pelajar Guru Muda dan mentee turut mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik. Kesimpulannya, pelaksanaan pendekatan Guru Muda dapat memberikan impak yang positif terhadap pelajar, guru dan sekolah.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kata Kunci:

Matematik, Mentee, Mentor, Pendekatan Guru Muda

Abstract:

This study aims to explore the approach of Young Teachers in teaching and learning the subject of Mathematics, the ability of Young Teachers to help weak students in the subject of Mathematics and the motivation of students to follow the teaching and learning of Mathematics through the implementation of Young Teachers. The research informants involved eight informants consisting of i) two Mathematics teachers, and ii) six Form 5 students consisting of three Junior Teachers and three mentees. This study uses observation instruments, interviews, and document analysis. The research analysis uses qualitative methods and this research is in the form of a case study. The findings of the study have proven that with the implementation of the Young Teacher approach in the teaching and learning of Mathematics subjects, the credibility and leadership of the Young Teacher can be honed through mentoring the mentee by using cooperative learning. In addition, the internal and external motivation of Young Teacher students and mentees also influence the teaching and learning of Mathematics subjects. In conclusion, the implementation of the Young Teacher approach can have a positive impact on students, teachers and schools.

Keywords:

Mathematics, Mentees, Mentors, Young Teachers Approach

Pengenalan

Kemerosotan pencapaian pelajar dalam subjek Matematik merupakan isu yang sering dibincangkan dalam kalangan para pendidik terutama sekali selepas keputusan peperiksaan atau mana-mana keputusan ujian diumumkan. Masalah ini sering dikaitkan dengan beberapa faktor, antaranya ialah sekolah yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai cenderung untuk mengalami situasi dimana pencapaian subjek Matematik yang kurang memberangsangkan (Mazalan, 2012). Ini adalah kerana secara logiknya guru tidak berupaya untuk memberikan perhatian yang sepenuhnya ke atas anak-anak murid yang ramai untuk memastikan mereka benar-benar faham apa yang telah diajari. Selain itu, faktor pelajar yang kurang minat untuk mempelajari subjek Matematik juga turut mempengaruhi pencapaian pelajar untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam subjek ini (Miskam & Kayat, 2002; Lim & Yeo, 2005; Abu & Leong, 2017). Oleh hal yang demikian, guru perlu kreatif untuk menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel serta menyeronokkan agar pelajar berminat untuk mempelajari subjek Matematik.

Guru Muda adalah merupakan salah satu kaedah ataupun program yang digunakan untuk membimbing pelajar yang lemah dalam suatu subjek, termasuklah dalam subjek Matematik. Dengan adanya pelaksanaan pendekatan Guru Muda ini, pelajar lebih terbuka untuk belajar dan banyak bertanya kerana sesetengah pelajar malu untuk bertanya kepada guru, dan mereka lebih selesa untuk bertanya kepada rakan mereka. Menurut Shahrill dan Mundia (2014), pelajar yang malu atau takut bertanya soalan kepada guru mereka mungkin lebih suka bekerja sama dengan rakan-rakan dalam menyelesaikan masalah Matematik. Lambdin (1993) pula menyatakan bahawa sekumpulan rakan lebih selesa untuk belajar dalam lingkungan mereka

dan dapat menyelesaikan suatu masalah sekiranya mereka bekerja bersama-sama dalam menyelesaikan masalah tersebut. Anak-anak yang saling mengenali dengan baik terbukti lebih berjaya apabila ditempatkan dalam hubungan mentor dan mentee (Kutnick & Kington, 2005).

Guru Muda di sini bukan bermaksud guru baharu yang masih berumur dalam lingkungan 20an tetapi ia adalah gelaran untuk pelajar yang dipilih menjadi 'guru muda' untuk membantu guru membimbing rakan-rakan mereka. Idea Guru Muda ini sebenarnya tercetus daripada program mentor mentee atau bimbingan rakan sebaya. Kaedah Guru Muda merupakan satu kaedah yang dirancang dan dirangka bagi membantu pelajar yang sederhana dan lemah dalam suatu subjek, di mana pelajar-pelajar yang kurang cemerlang ini akan dibantu oleh rakan mereka yang mempunyai pencapaian yang lebih cemerlang dalam pelajaran. Guru Muda dan pelajar lemah boleh bekerjasama untuk mencapai matlamat seperti membangunkan kemahiran, kebolehan, pengetahuan, berfikir dan bekerja secara kolaboratif atau koperatif. Seperti yang dinyatakan oleh Zachary (2012), pelajar sebagai mentee memainkan peranan aktif dalam pembelajaran, berkongsi tanggungjawab untuk keutamaan, pembelajaran, dan sumber, dan menjadi semakin berorientasikan diri dalam proses. Manakala mentor pula memupuk dan membangunkan kemampuan mentee untuk mengarahkan diri sepanjang interaksi mereka dalam proses pembelajaran tersebut. Menurut Quek (2006), rakan sebaya turut berperanan dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengaitkan keupayaan, motivasi serta pelaksanaan pendekatan tentang program pementoran dan bimbingan rakan sebaya yang mana secara tidak langsung berkait rapat dengan pendekatan Guru Muda dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Azman & Mohd Yusoff, 2018; Mat Rani et al. 2021; Mustafa Kamal et al. 2022). Pelaksanaan Guru Muda ini telah dijalankan secara meluas namun begitu bukan semua guru di sekolah mempraktikkan pendekatan ini. Kajian tentang pelaksanaan Guru Muda khususnya dalam subjek Matematik di Malaysia juga masih kurang didokumentasikan. Oleh itu, kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini dijalankan untuk melihat keupayaan penggunaan kaedah Guru Muda dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik.

Sorotan Literatur

Guru Muda

Clutterbuck (1991) mendefinisikan mentor sebagai seorang individu yang berpengalaman yang memindahkan pengetahuannya tentang bagaimana sesuatu tugas yang dilakukan dan bagaimana bekerja dengan orang lain. Penggunaan mentor rakan sebaya pula dilihat sebagai interaksi sosial antara mentor dan mentee kerana ia melibatkan kemampuan pelajar untuk membantu pelajar lain dari segi akademik dan sosial. Menurut Abu Hassan (2014), pementoran adalah merupakan suatu proses yang membantu memudah cara, membimbing berdasarkan prinsip amalan dalam meningkatkan proses pembelajaran mereka dengan menerapkan profesionalisme amalan untuk kebaikan dan pembangunan mereka. Pembimbing atau mentor mengambil berat tentang aspek akademik mentee dan memastikan mentee mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan masalah diri, serta membantu mentee untuk mempertingkatkan atau mengekalkan pencapaian akademik mereka (Mohd Taha, 2016),

Guru Muda adalah sinonim dengan tugas seorang mentor dan rakan sebaya yang membantu mentee. Pendekatan Guru Muda boleh dikategorikan sebagai bimbingan rakan sebaya seperti yang dinyatakan oleh Topping et al. (2013). Menurut Colvin (2017), pembimbing rakan sebaya

adalah pelajar yang membimbing pelajar lain dalam bidang yang sama sama ada dalam kumpulan kecil atau secara individu. Dalam skop kajian ini, Guru Muda merupakan gelaran yang diberikan kepada pelajar yang terpilih untuk membantu dan membimbing rakan mereka yang lemah dan kurang cemerlang dalam subjek Matematik khususnya. Pelajar yang dipilih menjadi Guru Muda mempunyai latar belakang akademik yang cemerlang dalam peperiksaan dan diberi mandat untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar berterusan kepada rakan sebaya mereka. Pelaksanaan Guru Muda menggunakan konsep interpersonal untuk berkongsi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman (pengetahuan tersirat) antara pelajar cemerlang dan pelajar lemah khususnya dalam subjek Matematik.

Ciri-ciri pendekatan Guru Muda (Jadual 1) dalam kajian ini adalah gabungan daripada empat jenis hubungan membantu yang diformulasikan oleh Eisen (1999) iaitu Tutor Rakan Sebaya, Mentor, Kumpulan Kolaboratif, dan Perkongsian Pembelajaran Rakan Sebaya. Berdasarkan Jadual 1, struktur dalam pendekatan Guru Muda adalah biasanya satu kumpulan yang terdiri daripada tiga orang ahli kumpulan atau lebih dan biasanya berlaku secara formal dan juga tidak formal. Bagi ciri status pelajar pula, setiap pelajar dalam kumpulan mempunyai keupayaan yang berbeza untuk saling membantu. Pemilihan rakan kongsi pula adalah berdasarkan tiga aspek iaitu berdasarkan arahan atau lantikan oleh guru untuk menjadi Guru Muda, berdasarkan keupayaan iaitu dari segi kebolehan pelajar membantu rakan yang lain, dan berdasarkan tujuan pembelajaran yang sama iaitu berdasarkan objektif pembelajaran itu sendiri. Seterusnya, ciri kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam pelaksanaan Guru Muda pula adalah melalui tunjuk ajar, bimbingan, penyelesaian masalah bersama, perbincangan dan refleksi pelajar. Sumber arahan atau garis panduan pula adalah melalui arahan guru dan juga kerja berpasukan (kumpulan). Bagi model panduan pula, pelajar yang mempunyai kekurangan (pelajar mentee) memerlukan pertolongan daripada Guru Muda melalui kolaboratif atau koperatif. Akhir sekali, fokus pendekatan Guru Muda ini melibatkan bantuan pelbagai arah yang membawa kepada penyelesaian tugas serta sokongan ahli kumpulan.

Jadual 1: Ciri-ciri Pendekatan Guru Muda

Ciri – ciri	Pendekatan Guru Muda
Struktur	Selalu 3 ahli atau lebih ; formal dan tidak formal
Status Pelajar	Rakan sebaya dengan kemampuan berbeza
Pemilihan Rakan Kongsi	Dipilih oleh guru berdasarkan keupayaan dan tujuan pembelajaran yang sama
Kaedah Pembelajaran / Pengajaran	Tunjuk ajar, bimbingan, penyelesaian masalah bersama, perbincangan dan refleksi
Sumber Arahan	Diarahkan oleh guru (luaran) Diarahkan pasukan (kerja berpasukan)
Model Panduan	Pelajar yang kekurangan memerlukan pertolongan orang lain melalui pendekatan kolaboratif / Koperatif
Fokus	Bantuan pelbagai arah yang membawa kepada penyelesaian projek atau sokongan kumpulan

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Eisen (1999)

Motivasi

Motivasi adalah proses yang menjelaskan niat, arah dan ketekunan usaha untuk mencapai suatu tujuan (Robbins & Judges, 2007). Menurut Mustaffa (2017), motivasi merupakan dorongan atau desakan yang alami untuk memuaskan kehidupan. Terdapat dua jenis motivasi iaitu

motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik adalah motivasi yang wujud secara semula jadi daripada rangsangan dalaman yang mendorong individu untuk melakukan sesuatu aktiviti tanpa mengharapkan ganjaran (Deci, 1975). Bruner (1966) mengaitkan motivasi intrinsik ini dengan naluri ingin tahu dan dorongan mencapai kecekapan bagi murid yang baru masuk sekolah. Menurut Deci (1975) pula, motivasi intrinsik dapat diterangkan sebagai suatu keadaan psikologi yang diakibatkan apabila individu menganggap diri mereka berkebolehan dan dapat menentukan sesuatu dengan sendiri. Seterusnya, jika motivasi intrinsik berasal daripada dalam diri individu, maka motivasi ekstrinsik pula berasal daripada faktor luaran yang biasanya berdasarkan insentif iaitu ganjaran yang diberikan seperti pujian, penghargaan, persaingan, markah, gred dan sebagainya, yang mana diberikan untuk sesuatu prestasi yang baik dicapai oleh seseorang itu (Ryan & Deci, 2000). Dengan erti kata yang lain, motivasi ekstrinsik ini wujud daripada rangsangan luaran yang menggerakkan individu mencapai matlamatnya. Tujuan motivasi ekstrinsik ini adalah untuk menggerakkan individu melakukan sesuatu tingkah laku atau tindakan yang membawa faedah kepada dirinya. Ganjaran sedemikian merupakan peneguhan positif dan lebih berkesan berbanding dengan peneguhan negatif yang melibatkan hukuman. Dalam skop kajian ini, motivasi pelajar terhadap pembelajaran Matematik dilihat bergantung dengan dua sumber motivasi tersebut iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik.

Pembelajaran Koperatif

Slavin (1990) mendefinisikan pembelajaran koperatif sebagai suatu kaedah perkongsian idea di mana pelajar bekerjasama dan bertanggungjawab terhadap rakan kumpulan dalam pembelajaran untuk mencapai kejayaan dan matlamat kumpulan. Menurut Johnson dan Johnson (1994), pembelajaran koperatif ialah kaedah pembelajaran kerjasama yang memerlukan pelajar untuk bekerjasama untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Zakaria (1998) pula menyatakan bahawa pembelajaran koperatif adalah satu strategi pengajaran dan pembelajaran di mana pelajar-pelajar saling membantu di antara satu sama lain di dalam kumpulan kecil yang mempunyai matlamat bersama. Terdapat pelbagai jenis strategi dalam pembelajaran seperti *Student Team Achievement Division*, *Jigsaw*, penyiasatan berkelompok (*Group Investigation*), dan *Team-Accelerated Instruction* (Mohamad et al., 2008).

Menurut Johnson dan Johnson (2018), terdapat lima elemen pembelajaran koperatif yang membantu pelajar mempelajari suatu amalan pengajaran, iaitu saling bergantung secara positif, tanggungjawab sendiri, interaksi bersemuka, pengajaran kemahiran sosial secara eksplisit, dan pemprosesan kumpulan. Saling bergantung secara positif adalah kaedah pengajaran di mana suatu kumpulan kecil dibentuk daripada beberapa orang pelajar yang mempunyai kelebihan masing-masing dan mereka saling bergantung untuk mencapai matlamat yang maksimum. Elemen ini juga menekankan pelajar untuk tidak penting diri dan saling bekerjasama dengan rakan-rakan mereka yang lain. Tanggungjawab sendiri pula merujuk kepada setiap ahli kumpulan bertanggungjawab untuk belajar dan menyumbangkan kepada tugas atau aktiviti kumpulan demi kejayaan kumpulan masing-masing. Hal ini kerana, biasanya tugas berkumpulan akan dinilai berdasarkan prestasi atau persembahan seseorang pelajar itu dan markah akan dikumpulkan. Manakala interaksi bersemuka pula bermaksud pelajar yang berada dalam kumpulan itu akan saling berinteraksi secara bersemuka iaitu berdialog dan berbincang dalam kedudukan yang berhampiran di antara satu sama lain dan menunjukkan persefahaman serta kemajuan. Elemen ini membantu memupuk semangat kekitaan dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, pengajaran kemahiran sosial secara eksplisit adalah merupakan kemahiran yang terlibat secara tidak langsung dalam pembelajaran koperatif seperti memberi galakan, memberi dan meminta pertolongan, meminta penjelasan dan sebagainya. Oleh itu, guru memainkan peranan penting untuk menerapkan kemahiran ini semasa pelaksanaan pembelajaran koperatif kerana ini secara tidak langsung akan memupuk ciri-ciri kepimpinan, kepercayaan serta membuat keputusan dalam diri mereka. Akhir sekali, pemprosesan kumpulan adalah elemen di mana setiap pelajar akan membuat penilaian dan refleksi semula mengenai sejauh mana usaha yang telah mereka capai. Ini akan mendorong mereka untuk melakukan penambahbaikan dan mereka akan lebih bergerak secara efektif. Oleh yang demikian, pelaksanaan pendekatan Guru Muda ini dilihat secara tidak langsung mengamalkan pembelajaran koperatif kerana Guru Muda membantu pelajar lemah. Dalam masa yang sama, pelajar lemah juga memberikan kerjasama kepada Guru Muda yang dilantik untuk sama-sama menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru subjek. Tambahan pula, pembelajaran koperatif ini menekankan pembelajaran aktif yang mana secara tidak langsung mampu meningkatkan kemahiran kognitif dan interpersonal dalam kalangan pelajar khususnya.

Tujuan Dan Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka pelaksanaan program pendekatan Guru Muda dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik, meneroka keupayaan Guru Muda dalam membantu pelajar yang lemah dalam subjek Matematik, dan meneroka motivasi pelajar untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran Matematik dengan penggunaan pendekatan Guru Muda. Selaras dengan itu, persoalan kajian yang membimbing kajian ini adalah seperti berikut:-

1. Bagaimanakah pelaksanaan program pendekatan Guru Muda dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik?
2. Apakah keupayaan Guru Muda dalam membantu pelajar yang lemah dalam subjek Matematik?
3. Apakah motivasi pelajar untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik dengan penggunaan program pendekatan Guru Muda?

Metodologi Kajian

Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah menengah yang terletak di daerah Keningau, Sabah dan kira-kira terletak 6 kilometer dari bandar Keningau. Sekolah menengah ini merupakan satu-satunya sekolah menengah agama di daerah Keningau. Kajian ini telah dijalankan ke atas guru Matematik dan juga pelajar yang dipilih menjadi Guru Muda serta mentee di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik.

Persampelan Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan bagi menjawab persoalan kajian. Dalam kajian ini, seramai lapan orang informan telah dipilih sebagai sampel kajian. Dua orang informan (informan A dan B) adalah merupakan guru Matematik yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada lapan tahun, dan salah seorang daripada mereka adalah merupakan ketua panitia Matematik. Manakala, enam orang informan lagi adalah merupakan pelajar Tingkatan Lma, di mana tiga orang pelajar (informan C, D, dan E) mempunyai pencapaian cemerlang dalam subjek Matematik, dan selebihnya pula (informan F, G, dan H) mempunyai

pencapaian yang tidak memuaskan dalam subjek Matematik. Informan C, D, dan E merupakan informan Guru Muda, manakala informan F, G dan H merupakan informan mentee. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih dua kelas yang berbeza iaitu kelas 5 Amanah dan 5 Bestari. Kesemua informan Guru Muda berada di dalam kelas yang sama iaitu kelas 5 Amanah dan diajar oleh informan A. Manakala, kesemua informan mentee pula berada di kelas 5 Bestari dan diajar oleh informan B. Justeru itu, kelas yang berbeza ini telah membantu pengkaji untuk lebih fokus terhadap informan semasa melakukan pemerhatian berstruktur dan pemerhatian tidak berstruktur. Kesemua lapan orang informan dipilih atas kesanggupan mereka untuk melibatkan diri dalam kajian ini.

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Menurut Sugiyono (2009), pengumpulan data kualitatif dapat diperoleh daripada hasil pemerhatian, temu bual, dokumentasi dan gabungan atau triangulasi. Dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data yang telah digunakan adalah berdasarkan temu bual semi struktur, pemerhatian berstruktur dan tidak berstruktur, dan analisis dokumen seperti rancangan pengajaran harian (RPH) guru serta refleksi pelajar. Menurut Cresswell (2005), pengumpulan data daripada pelbagai sumber merupakan salah satu proses triangulasi yang mempertingkatkan kebolehpercayaan dan kesahan kajian kualitatif.

Temu Bual Separa Berstruktur

Dalam kaedah temu bual separa berstruktur ini, pengkaji telah menyediakan soalan utama terlebih dahulu dan kemudian menyediakan soalan susulan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan. Pengkaji memilih temu bual separa berstruktur kerana ianya lebih fleksibel (Meriam, 1998). Oleh yang demikian, walaupun temu bual yang dijalankan adalah berpandukan skrip soalan, tetapi idea atau isu menarik masih boleh dibincangkan secara mendalam. Dalam hal ini, informan diberikan kebebasan untuk menggunakan bahasa yang mereka lebih selesa. Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data kualitatif yang dikutip melalui kaedah ini, pengkaji telah meminta pengesahan semula daripada informan untuk memastikan bahawa transkripsi temu bual adalah sesuai seperti yang dimaksudkan oleh informan, seperti yang telah dinyatakan oleh Bogdan dan Biklen (2003). Sehubungan dengan itu, temu bual yang dilaksanakan terhadap informan guru subjek Matematik berfokus kepada soalan kajian 1. Manakala temu bual yang dilaksanakan terhadap informan pelajar pula berfokus kepada soalan kajian 2 dan 3.

Pemerhatian

Kajian ini menggunakan kedua-dua kaedah pemerhatian iaitu pemerhatian tidak berstruktur dan berstruktur. Sepanjang pemerhatian tidak berstruktur, pengkaji menggunakan catatan nota lapangan serta catatan naratif tentang tingkah laku informan, di mana pengkaji telah datang dan melakukan pemerhatian di dalam bilik darjah untuk melihat bagaimana pendekatan Guru Muda ini dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik berlangsung. Manakala bagi pemerhatian berstruktur pula, pemerhatian tingkah laku ke atas kesemua informan telah dilakukan berdasarkan aspek yang telah ditentukan. Dalam hal ini, pengkaji telah mencatat tingkah laku informan berdasarkan ciri-ciri tingkah laku seperti dalam borang pemerhatian. Pemerhatian ini dilaksanakan sebanyak dua kali di mana pemerhatian pertama melibatkan informan A dan informan pelajar Guru Muda di kelas 5 Amanah, manakala pemerhatian yang kedua pula melibatkan pemerhatian informan B dan informan pelajar mentee

di kelas 5 Bestari. Daripada catatan lapangan kerja ini, satu refleksi tentang pemerhatian kelas tertentu juga direkodkan oleh pengkaji.

Analisis Dokumen

Secara amnya, analisis dokumen merupakan proses mengumpul data kajian melalui penyelidikan, penyiasatan, pemeriksaan, pencerakinan dan penganalisan terperinci yang dibuat terhadap bahan bertulis yang berkaitan dengan perkara yang dikaji. Menurut Yin (2003), dokumen digunakan sebagai sokongan dan bukti tambahan untuk data yang diperoleh daripada sumber lain. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, pengkaji telah menganalisis dokumen seperti kertas kerja, rancangan pengajaran harian (RPH) guru. Selain itu, sebagai dokumen tambahan, pengkaji juga menganalisis laporan refleksi pelajar tentang pelaksanaan Guru Muda ini.

Instrumen Kajian

Senarai soalan temu bual, jadual semak pemerhatian, matriks sumber dan teknik pengumpulan data serta nota lapangan adalah merupakan instrumen kajian yang telah digunakan dalam kajian ini. Selain itu, telefon bimbit juga digunakan sebagai alat utama untuk menghubungi informan, dan seterusnya sebagai alat perakam suara dan menangkap gambar semasa sesi pemerhatian dan temu bual dijalankan.

Prosedur Penganalisan Data

Kaedah analisis tematik telah digunakan untuk menganalisis data-data kualitatif yang diperoleh daripada kajian ini, di mana pengkaji mengenalpasti tema-tema penting daripada data untuk menjawab persoalan kajian seperti yang dinyatakan oleh Clarke dan Braun (2013). Analisis data bermula daripada analisis teks transkripsi temu bual, diikuti dengan pemerhatian dan pembacaan dokumen.

Dapatan Kajian

Soalan Kajian 1: Bagaimanakah Pelaksanaan Program Pendekatan Guru Muda dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Matematik?

Pengkaji mengenal pasti tiga kategori terlibat dalam pelaksanaan program pendekatan Guru Muda ini, iaitu proses pelaksanaan, fasa pelaksanaan, dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan.

Proses Pelaksanaan Guru Muda

Informan A menyatakan proses dalam pelaksanaan program Guru Muda ini bermula dengan menyenaraikan pelajar cemerlang dan lemah Matematik. Keputusan pelajar dirujuk melalui analisis *headcount* dan *Grow* bagi keputusan semester akhir tahun lepas. Seterusnya, pelajar yang mempunyai keputusan cemerlang Matematik akan menerima pelantikan khas. Selepas pelantikan tersebut, semua pelajar yang dilantik akan diberi taklimat tentang skop tugas mereka. Selepas taklimat, Guru Muda akan memulakan bimbingan kepada anak murid mereka. Informan B juga menyatakan bahawa proses pelantikan Guru Muda dipilih berdasarkan keputusan cemerlang pelajar dalam peperiksaan dan mentee pula adalah pelajar yang lemah. Selain itu, informan B juga memberikan taklimat awal dan pemahaman kepada Guru Muda. Selepas taklimat tersebut, Guru Muda akan memberi bimbingan kepada mentee masing-masing. Berdasarkan kategori proses pelaksanaan ini, dapat dilihat bahawa kedua-dua informan menyatakan langkah proses yang sama walaupun terdapat sedikit perbezaan

mengenai cara penerangan mereka tentang proses pelaksanaan Guru Muda. Kesemua kenyataan informan tersebut boleh dirujuk melalui petikan temu bual berikut:

“...Ok, first sekali tu, perlu senaraikan nama pelajar yang mendapat keputusan cemerlang Matematik dan juga lemah Matematik ...”

“... jadi keputusan mereka, kita rujuk pada ..mmm.. analisis headcount dan GROW keputusan semester akhir tahun sebelumnya ...”

“...So selepas pelantikan tu, semua pelajar yang dilantik itu akan diberi penerangan apa yang mereka perlu lakukan ...”

“... satu Guru Muda ni akan membimbing dua atau tiga orang ‘anak murid’ di bawahnya...”

(Informan A)

“...Kalau dari segi pelantikan, Guru Muda ni dipilih berdasarkan keputusan cemerlang mereka dalam peperiksaan dan mentee pula pelajar yang lemah lah ...”

“... Tapi biasanya Guru Muda ni saya sudah briefing awal dan bagi mereka faham ...”

“...Pas tu mereka yang akan ajar mentee mereka masing-masing ...”

(Informan B)

Fasa Pelaksanaan

Dapatan daripada temu bual bersama informan A dan informan B mendapati bahawa program pendekatan Guru Muda ini mempunyai tiga fasa pelaksanaan. Fasa pertama adalah merupakan fasa di mana guru subjek akan memberi bimbingan kepada Guru Muda tentang skop tugas mereka. Fasa kedua pula adalah fasa di mana Guru Muda akan memulakan bimbingan kepada mentee masing-masing. Manakala pada fasa ketiga pula, penilaian akan dilakukan. Kenyataan ini dapat dibuktikan berdasarkan petikan temu bual berikut:

“...Actually ada tiga fasa ya untuk program ni. Untuk fasa pertama iaitu bulan Februari, guru subjek akan beri bimbingan tentang skop tugas mereka dan buat perjumpaan dengan Guru-guru Muda untuk bincang soalan dan sebagainya la...”

“...lepas tu, untuk fasa dua pula pada bulan Mac sehinggalah pada bulan September...Guru Muda pula yang akan memberi bimbingan secara berkala kepada anak murid mereka...”

“...pada fasa ketiga bulan Oktober tu penilaian sumatif akan dibuat lah...”

(Informan A).

“...Dalam program ini, dia ada tiga fasa tau. Fasa pertama, Guru-guru Muda yang dilantik akan diberi taklimat dan mereka dibimbing oleh guru subjek bagaimana mereka jalankan tugas mereka serta perbincangan fasal soalan-soalan Matematik...”

“...Fasa kedua pula, di mana fasa ni guru muda akan membimbing mentee mereka masing-masing...”

“...dan fasa ketiga pula, penilaian di analisis la...”

(Informan B).

Dapatan kajian ini selari dengan analisis dokeman yang dibuat oleh pengkaji ke atas kertas kerja pelaksanaan pendekatan Guru Muda. Berdasarkan analisis dokumen kertas kerja, pengkaji mendapati bahawa pelaksanaan program bermula pada bulan Februari sehingga bulan Oktober 2020 yang mana melibatkan tiga fasa. Fasa 1 melibatkan bimbingan intensif kumpulan Guru Muda Matematik oleh guru subjek semasa waktu PdPc, waktu belajar (*prep*) atau kelas tambahan dengan menggunakan modul KBAT Matematik. Bagi fasa 2 pula, Guru Muda memberi bimbingan intensif kepada mentee masing-masing secara berkala iaitu sekurang-kurangnya dua kali seminggu mengikut kesesuaian waktu sama ada semasa PdPc, waktu

belajar (*prep*) atau kelas tambahan. Fasa 3 pula ialah fasa penilaian di mana tahap penguasaan Guru Muda dan mentee akan dianalisis berdasarkan jadual tahap penguasaan pelajar dan analisis item. Pencapaian Guru Muda dan mentee direkodkan dan penganugerahan akan dibuat mengikut kategori yang telah ditetapkan oleh Panitia Matematik.

Pendekatan Koperatif

Berdasarkan temu bual bersama informan guru subjek Matematik, dapatan kajian mendapati bahawa pelaksanaan pendekatan Guru Muda ini menggunakan pendekatan koperatif. Informan A menggunakan pendekatan *STAD* dan *Think, Pair and Share* dalam melaksanakan pendekatan Guru Muda dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik. Manakala informan B pula menggunakan *JIGSAW* dan *Team Building* di mana satu kumpulan kecil itu terdiri daripada satu Guru Muda dan dua atau tiga mentee di bawahnya. Ini dijelaskan oleh kedua-dua informan seperti dalam petikan temubual berikut:

“... Kalo akak, akak gunakan jigsaw, *STAD* dan *Think, Pair and Share*. Sebenarnya bergantung dengan topik yang nak diajar tu ...” (Informan A).

“...kalau dalam kelas, saya guna *JIGSAW* dan *team building* di mana satu kumpulan kecil tu terdiri satu Guru Muda dan dua atau tiga mentee di bawahnya ...” (Informan B).

Dapat disimpulkan bahawa kedua-dua informan menggunakan pendekatan koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik dan menggunakan Guru Muda sebagai medium untuk melancarkan penyampaian ilmu kepada mereka yang masih lemah dalam subjek Matematik. Tambahan pula, melalui pembelajaran koperatif ini, pelajar lebih aktif dan memainkan peranan masing-masing sesuai dengan arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh guru. Dapatan kajian ini turut disokong melalui dapatan analisis pemerhatian berstruktur dan tidak berstruktur di mana pengkaji mendapati bahawa kedua-dua informan benar-benar menggunakan aktiviti pembelajaran koperatif semasa pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik dijalankan. Dapatan ini dikuatkan lagi dengan bukti daripada analisis dokumen Rancangan Pengajaran Harian (RPH) informan A dan B, yang mana menyatakan dalam RPHnya bahawa mereka masing-masing menggunakan aktiviti *Team Achievement Division* (*STAD*) dan *Jigsaw* semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung.

Soalan Kajian 2: Apakah Keupayaan Guru Muda dalam Membantu Pelajar yang Lemah dalam Subjek Matematik?

Pengkaji meneroka keupayaan Guru Muda dalam membantu pelajar lemah dalam subjek Matematik berkaitan dengan tiga kategori berikut iaitu kriteria Guru Muda dan mentee, peranan Guru Muda dan mentee, dan persepsi pendekatan Guru Muda.

Kriteria Guru Muda dan Mentee

Kriteria adalah merupakan salah satu aspek yang dilihat dalam pemilihan pelajar Guru Muda dan mentee. Kriteria bagi pelajar Guru Muda adalah mempunyai keputusan yang cemerlang dalam subjek Matematik. Ini diakui oleh informan A, B, C, D dan E ketika ditemu bual.

“...Ada dua kategori. Pertama kategori pelajar cemerlang Matematik...” (Informan A).

“...Pelajar yang mendapat cemerlang dalam Matematik akan dipilih untuk menjadi Guru Muda...” (Informan B).

“...Keputusan cemerlang tu yang kena kasi jadi kriteria utama untuk jadi Guru Muda...” (Informan C).

“...kriteria utama dia mesti keputusan exam akhir tingkatan empat tu mesti dapat cemerlang A+ untuk subjek Matematik...” (Informan D).

“...Salah satu dia mesti cemerlang keputusan dia. Sebab kalo tidak cemerlang, susahlah dia mahu ajar kan...” (Informan E).

Manakala, kriteria bagi pelajar mentee pula ialah pelajar tersebut tidak mempunyai keputusan yang baik atau lemah dalam subjek Matematik, seperti yang dinyatakan oleh informan A, B, dan F dalam petikan temu bual berikut:

“...dan kategori kedua pelajar lemah Matematik...” (Informan A).

“...manakala pelajar yang lemah pula akan menjadi mentee...” (Informan B).

“...sua punya result untuk subjek Maths tidak cemerlang...” (Informan F).

Peranan Guru Muda dan Mentee

Dapatan daripada temu bual bersama informan Guru Muda menunjukkan bahawa kesemua informan Guru Muda faham tentang peranan mereka sebagai Guru Muda. Informan C dan D menyatakan bahawa Guru Muda akan memahami tajuk yang diberikan oleh guru Matematik terlebih dahulu sebelum mengajarkannya kepada mentee. Informan C juga rajin bertanya kepada guru subjek sebelum memulakan sesi perbincangan dengan ahli kumpulan yang lain kerana beliau perlu mengajar mentee. Manakala seperti informan D, informan E akan membimbing atau mengajar mentee sekiranya terdapat topik yang mereka tidak fahami. Ini dijelaskan oleh informan C, D, dan E seperti dalam petikan temubual berikut:

“...Disebabkan saya dilantik sebagai Guru Muda, tentulah saya berusaha betul-betul fahami tajuk yang cikgu Maths beri...”

“...dan rajin bertanya sama guru sebelum memulakan sesi perbincangan sama ahli kumpulan yang lain. sab sia yang ajar dorang...”

(Informan C)

“.... Kalo ada yang tidak faham baru kami bincang. Kalau tidak faham tanya Guru Muda. Guru Muda sebagai rujukan sebab cikgu Maths suda sedia ajar tu topik...”

“... tapi memang selalunya Guru Muda duluan faham dari yang lain hehe ...”

(Informan D).

“...jadi kalau dalam kumpulan saya, saya akan tanya dorang mana tajuk yang dorang tidak faham dan saya cuba kasi faham pelan-pelan ikut keselesaan dorang...” (Informan E).

Dalam sesi temu bual lain bersama pelajar mentee pula, pengkaji turut mengenal pasti peranan-peranan pelajar mentee dalam mengikuti program pendekatan Guru Muda ini. Pelajar mentee akan bertanya dan meminta tunjuk ajar daripada Guru Muda sekiranya tidak tahu sesuatu soalan, seperti yang dilakukan oleh informan F dan H. Manakala informan G pula hanya menyalin soalan dan jawapan yang dibincangkan kerana malas pergi ke hadapan kelas untuk

membenteng hasil perbincangan. Kenyataan bersama infroman pelajar mentee ini boleh dilihat dalam petikan temu bual berikut:

"...Ya tukang tanya hahaha sama saya ajar juga baa kawan-kawan yang belum tau fasal soalan yang saya sudah tanya..." (Informan F).

"...kalau sia ni jenis yang malas mau pi depan, jadi kerja sia salin soalan dan jawapan yang dibincangkan..." (Informan G).

"... Biasanya kalau cikgu bagi tugas begitu Guru Muda kasih terang sama kami terus kami perlu kasih siaplah dan kalau ada apa-apa soalan begitu tanya ja sama Guru Muda..." (Informan H).

Persepsi Pendekatan Guru Muda

Dapatan kajian mendapati bahawa sebilangan informan mengakui bahawa program pendekatan Guru Muda ini dapat membantu mengurangkan beban atau kerja guru dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik. Hal ini dapat dilihat daripada petikan temu bual bersama informan B, E, dan F berikut:

"...Saya suka guna pendekatan ni sebab dia kasi kurang beban guru..." (Informan B).

"...Emm pandangan sia.. Guru Muda ni memang perlu lah dilaksanakan sebab Guru Muda ni dia mempermudah kerja cikgu untuk ajar mereka yang masih belum menguasai sesebuah tajuk tu..." (Informan E).

"... sebab meringankan kerja guru-guru lain..." (Informan F).

Selain itu, pendekatan Guru Muda ini juga dilihat sangat berguna kepada pelajar mentee kerana mudah bagi mereka untuk bertanya kepada Guru Muda sekiranya tidak memahami sesuatu perkara, seperti yang dinyatakan oleh informan F dan H dalam petikan temu bual berikut:

"... Lebih senang sebab dia ajar Maths ikut cara dia dan lebih senang untuk bertanya kalau tidak faham..." (Informan F).

"...Sangat berguna untuk yang tidak berapa pro maths. Sebab dia memudahkan orang mahu bertanya..." (Informan H).

Seterusnya, sebilangan informan juga merasakan bahawa pendekatan Guru Muda ini sangat berguna semasa ketiadaan guru kerana mereka tidak perlu merujuk kepada guru subjek. Hal ini dapat dilihat daripada petikan temu bual bersama informan D, F, G, dan H.

"... Sangat berguna lah cikgu. Sebab kadang-kadang kan guru Maths pun busy. Dia ada hal sendiri..." (Informan D).

"... Sebab senang untuk merujuk balik soalan yang nda faham kalau tiada cikgu dalam kelas hehe..." (Informan F).

"...Sejak adanya guru muda ni, pembelajaran maths lebih mudah lah untuk paham, sebab ada yang buli kita rujuk biarpun time tu cikgu maths tiada..." (Informan G).

“...menjimatkan masa lagi sebab tidak payah telampau berharap sama guru maths...”
(Informan H).

Akhir sekali, berdasarkan jawapan daripada ketiga-tiga informan mentee iaitu informan F, G dan H, kesemuanya mengakui bahawa Guru Muda sangat membantu mereka dalam memahami topik Matematik. Ini diakui oleh informan mentee ketika ditemu bual apabila ditanya sama ada Guru Muda dapat membantu mereka lebih memahami topik Matematik, seperti yang dinyatakan dalam petikan temu bual berikut:

“...Ya sangat membantu cikgu...” (Informan F).

“...Ya cikgu...” (Informan G).

“...Sangat membantu. Kawan kan tidak mahu kawan lain tertinggal juga. Jadi diorang pun bertungkus-lumus helping each other...” (Informan H).

Soalan Kajian 3: Apakah Motivasi Pelajar untuk Mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Matematik dengan Penggunaan Program Pendekatan Guru Muda?

Berdasarkan daripada temu bual yang dijalankan ke atas kesemua informan, pengkaji mengenal pasti dua kategori motivasi yang telah ditunjukkan oleh pelajar dalam mengikuti program pendekatan Guru Muda ini, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

Motivasi Intrinsik

Dapatan daripada temu bual bersama informan Guru Muda menunjukkan bahawa kesemua informan Guru Muda mempunyai motivasi intrinsik dalam mengikuti program pendekatan Guru Muda. Dua orang informan Guru Muda iaitu informan C dan E mengakui merasa gembira kerana dipilih menjadi Guru Muda untuk membantu pelajar yang lemah dalam subjek Matematik. Manakala bagi informan D pula, beliau merasa teruja dan bangga, dan keyakinan untuk mengajar itu adalah lebih tinggi. Ini dibuktikan melalui petikan temu bual berikut:

“... Sia paling happy oh cikgu sebab kena bagi badge and naik pentas untuk pelantikan sebagai Guru Muda...”

“...Sama bikin sia semangat mo study sungguh- sungguh subjek Maths dan bantu kawan yang lain yang memerlukan...”

(Informan C).

“...Perasan saya.. teruja lah cikgu dan bangga hahah tiberr ...”

“...Yang penting saya jadi Guru Muda macam keyakinan mo mengajar tu lagi tinggi lah...”

(Informan D).

“...Happy lah sebab diberi kepercayaan sama guru dan dapat membantu rakan-rakan yang kurang menguasai...” (Informan E).

Dalam sesi temu bual lain bersama pelajar mentee pula, pengkaji juga turut mendapati bahawa pelajar mentee turut mempunyai motivasi intrinsik dalam mengikuti program pendekatan Guru Muda ini. Sebagai contoh, informan G berasa gembira mengikuti pendekatan Guru Muda ini, disamping merasakan bahawa Guru Muda memberikan penjelasan yang mudah serta jalan kira yang singkat tetapi tetap mendapat markah. Manakala informan H pula merasa lebih bersemangat kerana menyedari dirinya golongan lemah Matematik. Selain itu, informan H juga

rasa tercabar apabila melihat rakan lain semakin pandai dan ini secara tidak langsung membuatkan beliau untuk semakin berusaha. Kenyataan informan G dan H dapat dilihat dalam petikan temu bual berikut:

“... Rasa happy. Apa lagi kalau guru muda tu yang mudah bagi penjelasan dan jalan pengiraan yang singkat tapi buli dapat markah...” (Informan G).

“... Lebih bersemangat sebab sedar sudahkan bukan saya ja yang tidak pro maths...”

“...Jadi bila nampak kawan kawan kain makin pandai jadi diri sendiri pun rasa tercabar ...”

“... dan makin mahu berusaha. Begitulah saya cikgu ...”

(Informan H).

Berdasarkan daripada analisis temu bual bersama informan-informan pelajar, ini membuktikan bahawa informan Guru Muda dan mentee mempunyai motivasi intrinsik dalam mengikuti program pendekatan Guru Muda. Dapatan pelajar mempunyai motivasi instrinsik ini turut disokong berdasarkan bukti lain yang diperolehi daripada dapatan analisis dokumen iaitu refleksi pelajar, seperti tulisan refleksi yang telah ditulis oleh informan E ini:

“Saya sebenarnya gembira menjadi salah seorang Guru Muda di kelas saya. Dengan begitu, saya boleh mengajar kawan-kawan yang masih lemah dalam subjek tersebut. Saya bersyukur disebabkan ini kefahaman saya semakin bertambah dan begitu juga dengan daya ingatan”

Motivasi Ekstrinsik

Dapatan daripada temubual bersama informan guru subjek Matematik dan informan Guru Muda, pengkaji mendapati bahawa pelajar turut mempunyai motivasi ekstrinsik semasa mengikuti program pendekatan Guru Muda ini, di mana ganjaran atau hadiah memacu motivasi mereka mengikuti program ini. Sebagai contoh, kedua-dua informan A dan B menyatakan bahawa mana-mana Guru Muda dan mentee yang mendapat markah tertinggi pada akhir program akan diberikan hadiah sebagai salah satu penghargaan dan untuk meningkatkan motivasi mereka. Informan C juga menyatakan bahawa mana-mana Guru Muda dan mentee mendapat markah terkumpul yang tinggi akan diberi hadiah pada akhir program dan ini juga merupakan salah satu penarik semangatnya. Demikian juga halnya bagi informan D yang juga menyatakan bahawa ada hadiah akan diberikan sekiranya dapat mengumpul markah tinggi. Kesemua kenyataan informan tersebut boleh dirujuk melalui petikan temu bual berikut:

“...mana-mana guru muda dan anak murid tu mendapat markah terkumpul tertinggi pada akhir program.. mereka akan diberi hadiah la.. ini salah satu cara nak bagi mereka reward dan naikkan motivasi mereka sebenarnya...”(Informan A).

“...Jadi berdasarkan penilaian tu, mana-mana Guru Muda dan mentee tu mendapat markah terkumpul tertinggi pada akhir program maka mereka akan diberi hadiah ...”(Informan B).

“...Jadi mana-mana Guru Muda dan mentee dapat markah terkumpul yang tinggi ada hadiah kena bagi bilang Cikgu Maths kami. Tapi akhir program la baru kena bagi. Itu pun salah satu bikin saya semangat ni. Hehe ...” (Informan C).

“...Ya begitulah cikgu hehe pastu ada hadiah lagi ahh kalo dapat kumpul markah tinggi ...” (Informan D).

Berdasarkan dapatan temu bual bagi kategori motivasi ekstrinsik ini, kajian ini membuktikan bahawa pemberian hadiah merupakan salah satu rangsangan luar yang meningkat motivasi luaran pelajar. Dapatan ini juga turut disokong berdasarkan daripada analisis dokumen refleksi pelajar, seperti yang telah ditulis oleh informan D:

“Markah tersebut juga akan digabungkan dan kumpulan yang memperoleh markah tertinggi akan diberikan ganjaran berupa hamper oleh guru mata pelajaran pada hujung program. Kesannya, para murid akan lebih berusaha meningkatkan pencapaian.”

Perbincangan

Pelaksanaan Program Pendekatan Guru Muda dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Matematik

Berdasarkan daripada persepsi majoriti informan, pelaksanaan pendekatan Guru Muda ini dilihat dapat membantu meringankan beban guru subjek Matematik. Dapatan ini disokong oleh kajian Miquel dan Duran (2017) yang juga menyatakan bahawa pelajar dapat membantu guru semasa proses pembelajaran dalam beberapa aspek, seperti menggunakan ucapan yang lebih langsung, berkongsi rujukan, dan mempunyai pengetahuan mengenai bidang tertentu di mana rakan sebaya mereka mungkin memerlukan pertolongan. Selain itu, pelantikan Guru Muda ini dibuat berdasarkan kriteria dan keupayaan yang sesuai diinginkan oleh guru subjek. Salah satu kriteria tersebut adalah mempunyai keputusan yang cemerlang. Hal ini kerana, jika Guru Muda tidak mempunyai keputusan yang cemerlang, Guru Muda tidak akan dapat membimbing mentee di bawahnya. Sesuai seperti yang dinyatakan oleh Moon (2014), pembimbing merupakan mereka yang berpengalaman, mempunyai kemahiran atau kepakaran tertentu untuk berusaha dalam membimbing individu supaya sentiasa ada perubahan yang positif.

Pelaksanaan pendekatan Guru Muda juga dilihat selaras dengan kriteria yang dicadangkan oleh Eisen (1999), di mana Guru Muda ini dibentuk daripada sekumpulan pelajar yang terdiri daripada dua atau tiga orang mentee di bawahnya. Pelaksanaan program ini melibatkan tiga fasa, di mana fasa pertama merupakan fasa pelantikan khas serta taklimat kepada Guru Muda. Manakala, fasa kedua pula adalah fasa di mana bimbingan Guru Muda kepada mentee berlangsung, dan sepanjang fasa kedua itu juga terdapat penilaian formatif yang dilaksanakan oleh guru subjek untuk menilai tahap penguasaan pelajar dalam subjek Matematik. Fasa ketiga pula merupakan fasa penutupan program di mana penilaian sumatif dilaksanakan dan mana-mana pelajar yang mempunyai markah terkumpul yang tertinggi telah diberikan hadiah sebagai penghargaan terhadap usaha mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa pendekatan utama yang digunakan adalah pendekatan koperatif seperti *STAD*, *Think-Pair-Share*, *Jigsaw* dan *Team Building*. Pendekatan koperatif ini menjadi pendekatan utama kepada pelaksanaan pendekatan Guru Muda kerana pendekatan ini lebih menggalakkan proses interaksi dua hala yang lebih berkesan iaitu interaksi antara guru dan pelajar dan juga interaksi antara pelajar Guru Muda dan pelajar mentee. Selain itu, ianya juga lebih berfokus kepada pembelajaran yang berpusatkan pelajar, sesuai dengan pendekatan pembelajaran abad ke-21 yang mana proses pembelajaran itu tertumpu pada pelajar itu sendiri. Hal ini secara tidak langsung turut menggalakkan keyakinan dan menjana tahap pemikiran pelajar yang lebih kreatif dan berfikiran aras tinggi, selari dengan pembelajaran koperatif yang dinyatakan dalam kajian Mohamad et al. (2008).

Keupayaan Guru Muda dalam Membantu Pelajar yang Lemah dalam Subjek Matematik

Dalam kajian ini, kriteria dilihat sebagai satu aspek dalam keupayaan Guru Muda. Kriteria utama menjadi Guru Muda adalah mereka haruslah mempunyai keputusan yang cemerlang dalam subjek Matematik. Hal ini kerana Guru Muda yang tidak mempunyai keputusan yang cemerlang tidak mampu memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada mentee di bawahnya. Demikian juga kriteria bagi mentee adalah pelajar yang lemah dan masih tidak menguasai subjek Matematik. Melalui kriteria ini, pelajar yang layak untuk menjadi Guru Muda dan mentee mudah untuk dikenal pasti. Kedua-dua kriteria ini penting untuk dinilai dan dikenal pasti bagi memenuhi syarat dalam pelaksanaan program Guru Muda ini. Hal ini kerana, sekiranya tidak ada kriteria yang diambil kira, ini akan menjejaskan tujuan utama program ini dilaksanakan. Seperti yang dinyatakan dalam dalam kajian Daud dan Shahrill (2014), bimbingan daripada pelajar yang berprestasi tinggi terhadap pelajar yang berprestasi rendah telah terbukti mempunyai kesan positif terhadap prestasi pelajar dalam pembelajaran pembezaan. Seterusnya, peranan juga dilihat menjadi salah satu aspek dalam keupayaan Guru Muda dalam membantu pelajar yang lemah dalam subjek Matematik. Antara peranan Guru Muda adalah mereka perlu memahami suatu topik itu terlebih dahulu supaya mereka mampu memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada mentee di bawahnya demi memastikan komunikasi yang berkesan. Selain itu, Guru Muda juga perlu ada ciri-ciri kerajinan untuk sering bertanya kepada guru subjek tentang hal yang dia tidak ketahui agar mereka tidak memberi maklumat yang salah kepada menteenya. Guru Muda seharusnya boleh dijadikan sebagai rujukan utama mentee di dalam atau di luar bilik darjah sekiranya guru subjek tidak ada bersama mereka. Selain itu, Guru Muda juga dilihat mempunyai keupayaan dalam membantu mentee mempelajari subjek Matematik.

Secara keseluruhannya, program ini dilihat dapat mengembangkan bakat pelajar terutamanya dari segi kepimpinan, keyakinan terhadap diri sendiri, individu yang berpengetahuan, berkebolehan dan berkemahiran. Selain itu, ia juga dilihat mampu mengeratkan kerjasama dalam kalangan pelajar itu sendiri serta memupuk semangat bekerjasama, bersatu padu dan muhibah antara rakan yang lain. Dapatan ini dilihat selari dengan dapatan kajian Alegre et al. (2019) yang mendapati bahawa pendekatan pembimbing rakan sebaya boleh mempengaruhi hasil pencapaian akademik pelajar di mana ia mampu meningkatkan hasil akademik pelajar. Selain itu, Johnson et al. (1981) mendapati bahawa bekerja secara berpasangan atau lebih daripada satu orang lebih berkesan daripada persaingan interpersonal dan berusaha seorang diri. Guru Muda dan pelajar lemah yang saling memahami antara satu dengan yang lain secara tidak langsung akan mewujudkan kerjasama antara mereka. Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa telah wujud hubungan interpersonal dalam kalangan Guru Muda dan mentee. Oleh kerana hubungan interpersonal antara mereka adalah positif, mereka mampu untuk saling memahami, bekerjasama serta berusaha untuk mencapai matlamat yang diinginkan, selari dengan kecerdasan interpersonal dalam teori Kecerdasan Pelbagai yang dicadangkan oleh Gardner (2000). Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa hubungan interpersonal adalah penting agar perkongsian ilmu antara Guru Muda dan mentee dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Motivasi Pelajar untuk Mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Matematik dengan Penggunaan Program Pendekatan Guru Muda

Kajian ini mendapati bahawa Guru Muda dan mentee mempunyai motivasi intrinsik dan ekstrinsik semasa mengikuti pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik dengan penggunaan program pendekatan Guru Muda. Tingkah laku mereka telah berubah ke arah yang

positif di mana mereka lebih bersemangat, berani dan yakin untuk melakukan yang terbaik dalam subjek Matematik. Guru Muda dilihat mempunyai motivasi instrinsik di mana mereka lebih bersemangat untuk belajar bersungguh-sungguh serta membantu rakan mentee dan pembelajaran. Mereka juga berasa bangga dilantik menjadi Guru Muda dan lebih yakin untuk tampil ke hadapan dalam memberi tunjuk ajar kepada mereka yang memerlukan. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Galbraith dan Winterbottom (2011), di mana terdapat penambahbaikan dalam diri pelajar dari segi kebimbangan, penghargaan diri dan sikap pelajar terhadap subjek Matematik melalui bimbingan rakan sebaya. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Oloo (2016) yang mendapati bahawa bimbingan rakan sebaya dapat meningkatkan motivasi dan membina keyakinan dalam diri pelajar serta memberi kesan yang baik kepada prestasi mereka dalam subjek Matematik.

Bagi motivasi ekstrinsik pula, para pelajar yang menyertai program ini juga dilihat bersungguh-sungguh untuk melakukan yang terbaik kerana setiap tugas akan diberikan markah, dan mana-mana pelajar yang mendapat markah terkumpul yang tertinggi akan diberikan hadiah pada akhir program. Pengumpulan markah dan juga pemberian hadiah dilihat merupakan antara contoh motivasi ekstrinsik yang merangsang motivasi pelajar untuk melakukan yang terbaik sepanjang pelaksanaan program pendekatan Guru Muda ini. Selain itu, hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pihak iaitu Guru Muda dan mentee sebenarnya berusaha untuk mencapai keperluan-keperluan tersebut kerana kedua-duanya saling memerlukan untuk mencapai matlamat yang ditentukan oleh guru subjek. Khususnya keperluan penghargaan diri (*self-esteem*). Majoriti informan Guru Muda dan mentee menyatakan dalam temu bual mereka bahawa mereka mengalami perubahan yang positif dari segi penghargaan diri, di mana mereka lebih yakin dan berani untuk saling memberi dan menerima ilmu sesama mereka. Ini juga menjadi salah satu faktor mereka bersetuju agar program pendekatan Guru Muda diteruskan.

Kesimpulan Dan Cadangan

Melalui perbincangan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa Guru Muda telah memberikan kesan positif secara tidak langsung ke atas hubungan interpersonal mereka dengan mentee. Tambahan pula, pelajar mentee juga menunjukkan respons yang positif terhadap pendekatan Guru Muda ini. Selain itu, pengkaji telah mendapati bahawa kredibiliti dan kriteria pemilihan Guru Muda mempengaruhi kelancaran dan keberkesanan program pendekatan Guru Muda tersebut. Penerapan pembelajaran koperatif dalam Program Guru Muda juga memberikan implikasi yang besar dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik kerana mereka terdedah dengan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Selain itu, rangsangan dalaman dan rangsangan luaran adalah penting untuk merangsang motivasi pelajar untuk melakukan yang terbaik dan secara tidak langsung akan memberikan kesan dan impak yang positif dari segi keberkesanan pelaksanaan pendekatan Guru Muda ini. Oleh itu, diharapkan agar pelaksanaan pendekatan Guru Muda ini digunakan di semua peringkat sekolah khususnya kepada pelajar yang akan mengambil peperiksaan. Untuk melihat keberkesanan program pendekatan Guru Muda ini secara mendalam, pengkaji mencadangkan untuk melakukan kajian penilaian berdasarkan model penilaian CIPP (*Context, Input, Process, Product*) kerana model penilaian ini merangkumi seluruh aspek yang dapat membantu pihak berkepentingan untuk membuat keputusan yang tentang keberkesanan suatu program.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia yang telah membiayai penerbitan kajian ini di bawah Skim Geran Dana NIC, SDN0005-2019.

Rujukan

- Abu, N. E. & Leong, K. E. (2017). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Abu Hassan, A. G. (2017). Pementoran dan pembelajaran personal dalam kalangan pegawai pengurusan di institut pendidikan guru Malaysia. *Seminar Serantau ke-8 2017: Mengoptimumkan Penyelidikan Pendidikan Pasca Abad ke-21* (ms. 953-959). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azman, N. & Mohd Yusoff, H. (2018). Pencapaian akademik murid lelaki dan perempuan: Peranan sokongan pembelajaran dan keterlibatan murid. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(2), 257-287. <https://doi.org/10.32890/mjli2018.15.2.10>
- Alegre, F., Moliner, L., Maroto, A., & Lorenzo-Valentin, G. (2019). Peer tutoring in algebra: A study in middle school. *The Journal of Educational Research*, 112(6), 693-699. <https://doi.org/10.1080/00220671.2019.1693947>
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research of education: An introductive to theories and methods* (4th ed.). Allyn and Bacon.
- Bruner, J. S. (1966). *Towards a theory of instruction*. Bellnap Press of Harvard University Press.
- Clarke, V. & Braun, V. (2013). Teaching thematic analysis: Over-coming challenges and developing strategies for effective learning. *The Psychologist*, 26(2), 120-123.
- Clutterbuck, D. (1991). *Everyone needs a mentor: Fostering talent at work*. Institute of Personnel and Development, London.
- Colvin, J. W. (2015). Peer mentoring and tutoring in higher education. In M. Li, & Y. Zhao (Eds.), *Exploring learning & teaching in higher education* (pp. 207-229). Springer-Verlag. https://doi.org/10.1007/978-3-642-55352-3_9
- Cresswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson.
- Daud, D. S. M. P., & Shahrill, M. (2014). Examining the effectiveness of peer mentoring in the learning of differentiation. In I. Gómez Chova, A. López Martínez, & I. Candel Torres (Eds.), *Proceedings of the 6th International Conference on Education and New Learning Technologies* (pp. 3305-3315). EduLearn14 Proceedings, IATED Academy.
- Deci, E. L. (1975). *Intrinsic motivation*. Plenum Press. <https://doi.org/10.1007/978-1-4613-4446-9>
- Eisen, M. J. (1999). *Peer learning partnerships: A qualitative case study of teaching partners' professional development effort* [Doctoral dissertation, Teachers College, Columbia University].
- Galbraith, J. & Winterbottom, M. (2011). Peer-tutoring: What's in it for the tutor? *Educational Studies*, 37(3), 321-332. <https://doi.org/10.1080/03055698.2010.506330>
- Gardner, H. (2000). Using multiple intelligences to improve negotiation theory and practice. *Negotiation Journal*, 16(4), 321-324. <https://doi.org/10.1023/A:1026628603350>
- Johnson, D. W., Maruyama, G., Johnson, R., Nelson, D., & Skon, L. (1981). Effects of cooperative, competitive, and individualistic goal structures on achievement: A meta-

- analysis. *Psychological Bulletin*, 89(1), 47-62. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.89.1.47>
- Johnson, D.W. & Johnson, R.T. (1994). *Learning together and alone*. Allyn and Bacon.
- Johnson, D. W. & Johnson, R. T. (2018). Cooperative learning: The foundation for active learning. In S. M., Brito (Ed.), *Active learning - beyond the future*. IntechOpen. <https://doi.org/10.5772/intechopen.81086>
- Kutnick, P., & Kington, A. (2005). Children's friendships and learning in school: Cognitive enhancement through social interaction? *British Journal of Educational Psychology*, 75(4), 521-538. <https://doi.org/10.1348/000709904X24591>
- Lambdin, D. V. (1993). Monitoring moves and roles in cooperative mathematical problem solving. *Focus on Learning Problems on Mathematics*, 15(2&3), 48-64.
- Lim, K. H. & Yeo, K. J. (2006). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian mata pelajaran matematik tambahan. Satu tinjauan di tiga buah sekolah dalam kawasan Skudai*. [Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia]. Malaysian Education Research Repository. <http://merr.utm.my/9879/>
- Mat Rani, M. A., Ahmad Rosli, S. D., Yahya, A. M., & Mat Rani, S. A. (2021). Peers as coaches: The effect of peer support on the motivation of new converts education. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 85-99. <https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.2.589>
- Mazalan, M. F. (2012). *Faktor yang berkaitan dengan pencapaian matematik pelajar melayu sekolah menengah agama daerah Pontian*. [Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia]. Universti Teknologi Malaysia Institutional Repository. <http://eprints.utm.my/id/eprint/32080/>
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study*. Jossey-Bass.
- Miquel, E. & Duran, D. (2017). Peer learning network: Implementing and sustaining cooperative learning by teacher collaboration. *Journal of Education for Teaching*, 43(3), 349-360. <https://doi.org/10.1080/02607476.2017.1319509>
- Miskam, M. & Kayat, M. Y. (2002). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran matematik di kalangan pelajar aliran teknik dan vokasional di sekolah menengah teknik dan vokasional, negeri Johor*. [Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia]. Malaysian Education Research Repository. <http://merr.utm.my/11830/>
- Mohamad, M. M., Sarji, M. N., & Misman, M. (2008). *Strategi pengajaran pembelajaran koperatif dalam tajuk reka bentuk dan penghasilan projek (mata pelajaran kemahiran hidup)*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Institutional Repository Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. http://eprints.uthm.edu.my/114/1/mimi_mohaffyza_mohamad.pdf 19/11/2010
- Mohd Taha, H. (2016). *Kesan intervensi modul rakan mentor terhadap penghargaan sendiri, motivasi dan gred bagi pelajar rendah pencapaian akademik di sebuah universiti swasta*. [Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. UPSI Digital Repository (UDRep). <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=852>
- Moon, T. M. (2014). Mentoring the next generation for innovation in today's organization. *Journal of Strategic Leadership*, 5(1), 23-35.
- Mustafa Kamal, N. M., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2022). Pendekatan heutagogi: Persepsi murid terhadap pentaksiran rakan sebaya. *International Journal Of Education And Pedagogy*, 4(1), 114-129.
- Mustaffa, H. H. (2017). Hubungan antara kebimbangan matematik dengan motivasi dan prestasi pelajar pada subjek matematik. Dalam *National Pre University Seminar 2017*

- (NpreUS2017) (pp. 62-70). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. <http://conference.kuis.edu.my/npreus/2017/document/8-urmaizatul%20Hazirah%20Mustaffa.pdf>
- Oloo, E. A., Mutsotso, S. N., & Masibo, E. (2016). Effect of peer teaching among students on their performance in mathematics. *International Journal of Scientific Research and Innovative Technology*, 3(12), 10-24.
- Quek, M. L. (2006). *Pengaruh rakan sebaya dengan pencapaian matematik di kalangan pelajar tingkatan empat di daerah Batu Pahat, Johor*. [Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia]. Malaysian Education Research Repository, <http://merr.utm.my/10044/>
- Robbins, S. P., & Judge, T. A. (2007). *Organizational behavior* (12th ed.). Pearson Prentice Hall.
- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000). Intrinsic and extrinsic motivations: Classic definitions and new directions. *Contemporary Educational Psychology*, 25(-), 54-67.
- Shahrill, M., & Mundia, L. (2014). The use of low-order and higher-order questions in mathematics teaching: Video analyses case study. *Journal of Studies in Education*, 4(2), 15-34. <https://doi.org/10.5296/jse.v4i2.5318>
- Slavin, R. E. (1982). *Cooperative learning: Student teams. What says to the teacher*. National Education Association.
- Sugiyono. (2009). *Metode penelitian pendidikan pendekatan kuantitatif, kualitatif, dan r&d*. Alfabeta.
- Topping, K.J., Dehkinet, R., Blanch, S., Corcelles, M., & Duran, D. (2013). Paradoxical effects of feedback in international online reciprocal peer tutoring. *Computers & Education*, 61(2013), 225-23. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2012.10.002>
- Yin, R. K. (2003). *Case study research: Design and methods*. Sage Publications.
- Zachary, L. J. (2012). *The mentor's guide: Facilitating effective learning relationship* (2nd ed). Jossey-Boss.
- Zakaria, E. (1998). *Pembelajaran Koperatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia.